





JABATAN PERTANIAN




TATACARA OPERASI PIAWAI

1.5.8/0017/BKKT/0003

**TATACARA OPERASI PIAWAI BAGI
PENDAFTARAN PESERTA SKIM DI
BAWAH SKIM PENGESAHAN BAHAN
TANAMAN**

PERKARA	DILULUSKAN	DIDAFTARKAN
TANDATANGAN		
NAMA	DATO' NOR SAM BINTI ALWI	MOHD NAZRI BIN ABU SEMAN
JAWATAN	KETUA PENGARAH PERTANIAN	PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
TARIKH	3 1 OCT 2022	3 1 OCT 2022

	BAHAGIAN KAWALAN KUALITI TANAMAN	Muka Surat	6
		Tarikh Kkuatkuasa	
NO. PENDAFTARAN TOP: 1.5.8/0017/BKKT/0003	TATACARA OPERASI PIAWAI BAGI PENDAFTARAN PESERTA SKIM DI BAWAH SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN	Bil. Pindaan	
PEMILIK TOP	SEKSYEN PENGESAHAN BAHAN TANAMAN	Tarikh Akhir Kemaskini	

TATACARA OPERASI PIAWAI BAGI PENDAFTARAN PESERTA SKIM DI BAWAH SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN

1. Tujuan

TOP ini disediakan sebagai garis panduan kepada urus setia dalam mendaftarkan pengeluar bahan tanaman dengan Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman sebagai Peserta Skim di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

2. Pengenalan

Permohonan Peserta Skim di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman oleh pengeluar bahan tanaman dibuat melalui pengisian Borang Permohonan Peserta Skim (ABK 1) beserta salinan dokumen sokongan dan memenuhi syarat-syarat Prosedur Pendaftaran Peserta Skim di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman

Lawatan penilaian ke nurseri milik pengeluar bahan tanaman akan dilaksanakan bagi permohonan yang lengkap dan hasil penilaian akan dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengesahan Bahan Tanaman untuk kelulusan.

Pendaftaran Peserta Skim Pengesahan Bahan Tanaman merupakan satu tatacara yang perlu dipatuhi oleh Seksyen Pengesahan Bahan Tanaman untuk memastikan Peserta Skim yang didaftarkan adalah memenuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan.

3. Skop

TOP ini digunakan oleh urus setia di Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman dalam mendaftarkan Peserta Skim.

4. Definisi

4.1) Urus setia

Pegawai di Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman yang bertanggungjawab menyelaras Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

4.2) Peserta Skim

Pengeluar bahan tanaman yang berdaftar di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

4.3) Pegawai Pemeriksa

Pegawai kompeten yang dilantik oleh Ketua Pengarah Pertanian bagi melaksanakan tugas-tugas di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

4.4) Pegawai Penilai

Urus setia atau Pegawai Pemeriksa yang dilantik oleh Pengarah Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman bagi melaksanakan lawatan Penilaian Peserta Skim di nurseri pengeluar bahan tanaman.

4.5) Pemohon

Pengeluar bahan tanaman yang memohon untuk berdaftar di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

5. Tanggungjawab

TOP ini di bawah tanggungjawab Pengarah, Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman yang bertanggungjawab menyedia, menyemak dan mengemaskini setiap butiran yang terkandung di dalamnya.

Pegawai-pegawai Seksyen Pengesahan Bahan Tanaman akan sentiasa mengemaskini dan menambahbaik TOP ini dari masa ke semasa bersesuaian dengan keadaan dan keperluan TOP ini.

Pegawai-pegawai yang terlibat akan mendaftar pengeluar bahan tanaman sebagai Peserta Skim mengikut tatacara seperti yang digariskan di dalam TOP ini.


6. Tatacara

Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan dalam Pendaftaran Peserta Skim adalah seperti berikut:-

- 6.1 Urus setia terima arahan daripada Pengarah untuk menyelaraskan permohonan bagi Pendaftaran Peserta Skim di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.
- 6.2 Urus setia sediakan Borang Permohonan Peserta Skim (ABK 1) kepada pemohon sama ada secara terus di kaunter Pejabat Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman atau melalui emel. Pemohon juga boleh muat turun borang permohonan dari Portal Rasmi Jabatan Pertanian Malaysia.
- 6.3 Urus setia terima Borang Permohonan Peserta Skim (ABK 1) dan salinan dokumen sokongan yang diperlukan daripada pemohon.
- 6.4 Urus setia beri nombor rujukan fail bagi semua Borang Permohonan Peserta Skim (ABK 1) yang diterima.
- 6.5 Urus setia buat semakan dan memastikan Borang Permohonan Peserta Skim (ABK 1) diisi dengan lengkap dan memenuhi syarat-syarat Prosedur Pendaftaran Peserta Skim di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.
- 6.6 Urus setia menurunkan tandatangan dan cop; tarikh borang diterima dan disemak; serta menyatakan di ruangan keputusan sama ada borang adalah 'Lengkap', 'Tidak Lengkap' atau 'Tidak Memenuhi Syarat' pada Borang Permohonan Peserta Skim (ABK 1). Urus setia menyatakan perkara yang tidak lengkap pada ruangan catatan bagi borang yang 'Tidak Lengkap' dan menyatakan perkara yang tidak memenuhi syarat pada ruangan catatan bagi borang yang 'Tidak Memenuhi Syarat'.
- 6.7 Urus setia beri Surat Makluman Penerimaan Permohonan (ABK 1A) kepada pemohon bagi permohonan yang 'Lengkap'.
- 6.8 Bagi permohonan yang 'Tidak Lengkap', urus setia hubungi pemohon untuk melengkapkan borang permohonan. Manakala, permohonan yang 'Tidak Memenuhi Syarat' akan ditolak dan Surat Makluman Penolakan Permohonan (ABK 1B) diberikan kepada pemohon.
- 6.9 Urus setia buat pengisian data maklumat permohonan yang 'Lengkap' di dalam Pangkalan Data Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

- 6.10 Urus setia terima arahan dari Pengarah untuk selaras pelaksanaan penilaian ke atas premis dan nurseri pemohon bagi permohonan yang 'Lengkap'.
- 6.11 Urus setia hubungi pemohon untuk menetapkan tarikh lawatan penilaian.
- 6.12 Dua (2) Pegawai Penilai sama ada urus setia atau Pegawai Pemeriksa akan melaksanakan penilaian ke atas premis dan nurseri pemohon.
- 6.13 Urus setia kenalpasti dua (2) Pegawai Penilai yang akan dilantik untuk melaksanakan penilaian ke atas premis dan nurseri pemohon.
- 6.14 Pengarah melantik dua (2) Pegawai Penilai yang telah dikenalpasti dan mengarahkan pegawai tersebut untuk melaksanakan penilaian ke atas premis dan nurseri pemohon.
- 6.15 Pegawai Penilai sediakan Laporan Penilaian Peserta Skim (ABK 1C) dan difailkan mengikut nombor rujukan fail permohonan.
- 6.16 Urus setia membentangkan hasil Laporan Penilaian Peserta Skim di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengesahan Bahan Tanaman untuk kelulusan.
- 6.17 Urus setia wujudkan Fail Peserta Skim dan beri nombor pendaftaran mengikut aliran bilangan terkini mengikut setiap negeri bagi setiap permohonan yang diluluskan sebagai Peserta Skim.
- 6.18 Urus setia beri Surat Keputusan Lulus Pendaftaran Peserta Skim (ABK 1D) kepada Peserta Skim yang diluluskan dan menyatakan nombor pendaftaran Peserta Skim beserta satu salinan Prosedur Pendaftaran Peserta Skim di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman dan Standard Minimum Bahan Tanaman Mengikut Jenis Tanaman untuk panduan. Satu salinan surat difailkan di fail permohonan dan Fail Peserta Skim.
- 6.19 Urus setia beri Surat Keputusan Gagal Pendaftaran Peserta Skim (ABK 1E) kepada pemohon yang gagal dan sebab gagal dinyatakan. Satu salinan surat difailkan di fail permohonan.
- 6.20 Urus setia isi data maklumat Peserta Skim di dalam Pangkalan Data Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

Carta Alir Pendaftaran Peserta Skim di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman



7. Borang-borang

- 7.1) Borang Permohonan Peserta Skim (ABK 1)

8. Rujukan

- 8.1) Manual Skim Pengesahan Bahan Tanaman
- 8.2) Prosedur Pendaftaran Peserta Skim di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman

9. Lampiran




- 9.1) Senarai Semak Borang Permohonan Peserta Skim (ABK 1)
- 9.2) Surat Makluman Penerimaan Permohonan (ABK 1A)
- 9.3) Surat Makluman Penolakan Permohonan (ABK 1B)
- 9.3) Laporan Penilaian Peserta Skim (ABK 1C)
- 9.4) Surat Keputusan Lulus Pendaftaran Peserta Skim (ABK 1D)
- 9.5) Surat Keputusan Gagal Pendaftaran Peserta Skim (ABK 1E)

10. Pematuhan

Kegagalan pegawai dan kakitangan mematuhi TOP Pendaftaran Peserta Skim di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

11. Tarikh Kuatkuasa

Tarikh TOP berkuatkuasa pada 31 Oktober 2022

	Disediakan Oleh	Disemak Oleh	Disahkan Oleh
Tandatangan			
Nama	ZULMI BIN YAACOB	ROZZIAH BINTI BUJANG MASLI	AZREEN BIN BASIR
Jawatan	Ketua Unit	Ketua Seksyen	Pengarah Bahagian
Tarikh	14 Oktober 2022	14 Oktober 2022	14 Oktober 2022



SENARAI SEMAK BORANG PERMOHONAN PESERTA SKIM (ABK 1)

Bil.	Perkara	Tandakan (/)
BORANG PERMOHONAN		
1.	Borang Permohonan Peserta Baru (ABK 1) yang telah lengkap diisi & ditandatangani oleh Pemohon & Dicop (jika ada)	<input type="checkbox"/>
DOKUMEN SOKONGAN		
Semua salinan dokumen sokongan HENDAKLAH disahkan oleh mana-mana pegawai yang layak mengesahkan dokumen (Pegawai Kerajaan Gred 41 ke atas /Ketua Kampung/ Nazir Sekolah dan lain-lain pegawai yang layak)		
2.	Kategori Pemohon (Sila tandakan (/) salah satu daripada perkara berikut) :	
	i. Individu - Salinan Kad Pengenalan	<input type="checkbox"/>
	ii. Syarikat - Sijil Daftar Syarikat (SSM)	<input type="checkbox"/>
	iii. Agensi Kerajaan/Badan Berkanun	<input type="checkbox"/>
3.	Status Tanah yang Diusahakan (Sila tandakan (/) salah satu daripada perkara berikut)	
	i. Tanah Hak Milik Sendiri - Salinan Geran Hak Milik Sendiri	<input type="checkbox"/>
	ii. Tanah Sewa/Pajak - Salinan Perjanjian Sewa/Pajak Tanah Beserta Salinan Geran Pemilik atau Surat Kebenaran yang masih sah laku beserta Salinan Geran Pemilik	<input type="checkbox"/>
	iii. Tanah Lesen Pendudukan Sementara (LPS) - Salinan LPS yang sah laku/Surat Permohonan dalam Proses Pembaharuan LPS daripada Pejabat Tanah	<input type="checkbox"/>
	iv. TKPM - Salinan Surat Pengesahan Peserta TKPM/Surat Perjanjian Peserta dengan Jabatan beserta Pelan Lot TKPM Keseluruhan	<input type="checkbox"/>
	v. Tanah di Pusat Pertanian atau Stesen di bawah Persekutuan/Negeri - Surat Persetujuan daripada Pengarah Bahagian/Negeri beserta dengan Pelan Lot Stesen/Pusat Keseluruhan	<input type="checkbox"/>
	vi. Tanah Kerajaan Negeri/Anak Syarikat atau Badan Berkanun - Surat Kebenaran daripada Ketua/Pengurus Agensi Berkenaan	<input type="checkbox"/>
	vii. Lain-lain – Sertakan dokumen berkaitan	<input type="checkbox"/>



ABK 1

BORANG PERMOHONAN PESERTA SKIM**I. MAKLUMAT PEMOHON**

1.	Kategori Pemohon	:	Individu Syarikat Agensi Kerajaan/Badan Berkanun
2.	Nama Pemohon	:	
3.	Alamat Surat Menyurat	:	
4.	Alamat Nurseri/Ladang	:	
5.	No. Telefon Pejabat	:	
6.	Emel	:	
7.	(Maklumat Pegawai Yang Boleh Dihubungi)		
	Nama Pegawai	:	
	No. Telefon	:	
8.	Tahun Mula Operasi (Nurseri)	:	
9.	Keluasan Ladang Pokok Induk	:	
10.	Keluasan Nurseri	:	
11.	Status Pemilikan Tanah	:	*Sendiri/Sewa/Lain-Lain (Sertakan salinan)

II. MAKLUMAT BAHAN TANAMAN

Bahan Tanaman Yang Dikeluarkan					
Jenis Tanaman	Varieti/Kod Pendaftaran	Jumlah Pengeluaran bahan tanaman setahun	Bilangan Pokok Induk	Sumber Sion (Sendiri/Luar)	Cara Pembiakan (Cantuman/Tut/Biji Benih/Tisu Kultur/Sulur/Lain-lain)
				Nama dan Alamat Pembekal	

Nota: Jika menggunakan pokok induk dari sumber luar (bukan Peserta Skim), sila sertakan perjanjian penggunaan sumber antara peserta dan pemilik pokok induk.

I. PERAKUAN PEMOHON

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini adalah benar.

Tandatangan:	Cop Syarikat
Nama:	
No. Kad Pengenalan:	
Tarikh:	

II. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT URUS SETIA

1.	Tarikh permohonan diterima:
2.	Keputusan Semakan: <input type="checkbox"/> Dokumen Lengkap <input type="checkbox"/> Dokumen Tidak Lengkap <input type="checkbox"/> Dokumen Tidak Memenuhi Syarat
	Catatan:
Tandatangan:	Cop:
Nama:	
Tarikh:	

Sila hantarkan borang permohonan yang telah diisi kepada:

Urusetia
Skim Pengesahan Bahan Tanaman
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian
Aras 7, No. 30, Wisma Tani, Lot 4G2, Persiaran Perdana, Presint 4
62624 Putrajaya
No. Tel : 03-88703448
No. Faks :03-88887639
Emel : spbtbkk@doa.gov.my



BAHAGIAN KAWALAN KUALITI TANAMAN
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
(Department of Agriculture)
WISMA TANI
ARAS 17, NO. 30 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA



Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab

Ruj. Kami :
Tarikh :

Pemohon

.....
.....

YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan,

PENERIMAAN BORANG PERMOHONAN PESERTA SKIM (ABK 1)

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Borang Permohonan Peserta Skim (ABK 1) YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan untuk menyertai Skim Pengesahan Bahan Tanam (SPBT) telah diterima dan dalam tindakan pihak kami.

3. Nombor Rujukan Fail Permohonan YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan adalah

4. Sila sebutkan Nombor Rujukan Fail Permohonan tersebut untuk sebarang urusan surat-menyurat seterusnya bagi ladang/nurseri berikut:

.....
.....

5. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai kami di talian

Sekian, terima kasih

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

Pengarah
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman
Jabatan Pertanian Malaysia

s.k. Fail Permohonan



BAHAGIAN KAWALAN KUALITI TANAMAN
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
(Department of Agriculture)
WISMA TANI
ARAS 17, NO. 30 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA



Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab

Ruj. Kami :
Tarikh :

Pemohon

.....
.....

YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**PERMOHONAN TIDAK MEMENUHI SYARAT-SYARAT DI BAWAH SKIM PENGESAHAN
BAHAN TANAMAN (SPBT)**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dukacita dimaklumkan bahawa Borang Permohonan Peserta Skim (ABK 1) YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan bertarikh telah disemak dan permohonan YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan didapati tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Prosedur Pendaftaran Peserta Skim.

Bil.	Nama Pemohon	Alamat Nurseri	Sebab Tidak Memenuhi Syarat

3. Sehubungan itu, permohonan YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan tidak layak untuk diproses ke peringkat seterusnya. Bersama-sama ini disertakan salinan Borang Permohonan Peserta Skim (ABK 1) YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan untuk rujukan.

4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai kami di talian

Sekian, terima kasih

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

Pengarah
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman
Jabatan Pertanian Malaysia

s.k. Fail Permohonan



LAPORAN PENILAIAN PESERTA SKIM

I. MAKLUMAT PEMOHON

1.	Kategori Pemohon	:	Individu Syarikat Agensi Kerajaan/Badan Berkanun
2.	Nama Pemohon	:	
3.	Alamat Nurseri/Ladang	:	

II. PENILAIAN SYARAT WAJIB

Hanya pemohon yang memenuhi semua syarat wajib akan dipertimbangkan untuk kelulusan sebagai Peserta Skim

Bil.	Perkara	Tanda (/)		Catatan
		Ya	Tidak	
1.	Syarikat telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (No. Pendaftaran:)			
2.	Mempunyai Salinan Geran Tanah/Surat Kebenaran Mengusaha Tanah			
3.	Mempunyai tapak simpanan stok/nurseri/premis			
4.	Mengeluarkan satu atau lebih bahan tanaman seperti dalam Senarai Varieti Tanaman SPBT			
5.	Mempunyai pokok induk : a) Sendiri b) Luar (Peserta Skim) – sertakan no pendaftaran Peserta Skim c) Luar (perjanjian guna sumber) – sertakan perjanjian guna sumber			
6.	Jarak Pengasingan pokok induk antara varieti memenuhi syarat ditetapkan			
7.	*Mempunyai kemudahan makmal untuk melaksanakan pembiakan tisu kultur mengikut keperluan Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT)*			

*untuk pemohon yang mengeluarkan bahan tanaman tisu kultur sahaja.

III. PENILAIAN SYARAT TAMBAHAN

Bil.	Perkara	Tanda (/)		Catatan
		Ya	Tidak	
1.	Rekod Ladang Nurseri diuruskan dengan baik			
2.	Bilangan Pekerja Mahir : Am:			

I. ULASAN DAN PENGESYORAN PEGAWAI PENILAI:

ABK 1C

ULASAN DAN PENGESYORAN:	
Pegawai Penilai I	Pegawai Penilai II
Tandatangan:	Tandatangan:
Nama:	Nama:
Cop:	Cop:
Tarikh:	Tarikh:
Cadangan Nombor Pendaftaran Peserta Skim:	

Cop SPBT



BAHAGIAN KAWALAN KUALITI TANAMAN
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
(Department of Agriculture)
WISMA TANI
ARAS 17, NO. 30 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA



Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab

Ruj. Kami :
Tarikh :

Peserta Skim

.....
.....

YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan,

KEPUTUSAN PENDAFTARAN SEBAGAI PESERTA SKIM DI BAWAH SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN (SPBT)

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Jawatankuasa Teknikal Pengesahn Bahan Tanaman telah memperakui bahawa nurseri/ladang milik YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

3. Sehubungan itu, nurseri/ladang YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan berikut **LULUS** untuk didaftarkan sebagai Peserta Skim di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman mulai (tarikh) dengan Nombor Pendaftaran Peserta Skim

.....
.....

4. Sila sebutkan Nombor Pendaftaran Peserta Skim untuk sebarang urusan surat-menyurat seterusnya bagi ladang/nurseri tersebut. Sebarang pertanyaan, hubungi pegawai kami di talian

Sekian, terima kasih

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

Pengarah

Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman
Jabatan Pertanian Malaysia

s.k. Fail Permohonan
Fail Peserta Skim



BAHAGIAN KAWALAN KUALITI TANAMAN
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
(Department of Agriculture)
WISMA TANI
ARAS 17, NO. 30 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA



Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab

Ruj. Kami :
Tarikh :

Pemohon

.....
.....

YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan,

KEPUTUSAN PENDAFTARAN SEBAGAI PESERTA SKIM DI BAWAH SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN (SPBT)

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dukacita dimaklumkan Jawatankuasa Teknikal Pengesahn Bahan Tanaman telah memperakui bahawa nurseri/ladang milik YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan seperti yang berikut tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman.

.....
.....

3. Sehubungan itu, nurseri/ladang YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan tersebut **GAGAL** untuk didaftarkan sebagai Peserta Skim di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman dan YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan tidak layak untuk membuat permohonan Pengesahan Pokok Induk bagi nurseri/ladang tersebut.

4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai kami di talian

Sekian, terima kasih

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

Pengarah
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman
Jabatan Pertanian Malaysia

s.k. Fail Permohonan